

Hutan Simpan Bukit Cherakah: Pencerahan Jabatan Perhutanan

Shah Alam: Jabatan Perhutanan Selangor menjelaskan bahawa kenyataan siar warta (GN 1645-2022) bagi penyahwartaan Hutan Simpan Bukit Cherakah 5 Mei lalu adalah bagi melengkapkan proses penyahwartaan yang terhenti sekitar 2006.

Pengarah Perhutanan Selangor Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, berdasarkan Seksyen 13, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri (EAPN) Selangor 1985, pihak berkuasa negeri hendaklah membuat siar warta bagi mana-mana kawasan hutan simpanan kekal yang dinyahwarta.

Ahmad Fadzil berkata, berdasarkan rekod, terdapat beberapa siri penyahwartaan Hutan Simpan Bukit Cherakah yang berlaku sekitar 1991 hingga 2006 termasuklah kawasan seluas 406.22 hektar.

“Pelbagai kemungkinan boleh menjadi faktor yang menyebabkan proses nyahwarta kawasan itu tergantung di peringkat pengeluaran Pelan Warta sahaja iaitu

PW1443. Justeru, kenyataan siar warta yang dikeluarkan pada 5 Mei lalu dibuat secara ‘undur tarikh’ bagi merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMN) tahun 2000.

“Tindakan ini juga dilaksanakan selepas mengambil kira ulasan daripada Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor. Secara umumnya, proses penyahwartaan ini adalah bagi

melengkapkan proses yang tergantung pada



AHMAD Fadzil



Penyahwartaan ini tidak melalui proses penyiasatan awam”

Ahmad Fadzil

2006. Kerajaan Selangor sudah mengambil peranan yang sewajarnya bagi menyelesaikan perkara yang tertangguh lebih 20 tahun lalu,” katanya semalam.

Kenyataan Ahmad Fadzil itu sebagai mengulas persoalan yang tular baru-baru ini mengenai

kenyataan siar warta bagi penyahwartaan Hutan Simpan Bukit

Cherakah, Seksyen U10, di sini, seluas 406.22 hektar Mei lepas yang didakwa tidak melalui proses pendengaran awam selaras dengan Seksyen 11, EAPN Selangor 1985 yang dipinda oleh kerajaan Selangor pada 2011.

Ahmad Fadzil berkata penyahwartaan ini tidak melalui proses penyiasatan awam kerana kelulusan penyahwartaan berlaku sebelum pindaan Seksyen 11, EAPN Selangor 1985 pada 2011.

Jelasnya lagi, penggantian kawasan hanya diamalkan kerajaan negeri pada masa kini sahaja selaras dengan komitmen mengekalkan sekurang-kurangnya 30 peratus kawasan hutan daripada keluasan tanah negeri.

“Bagaimanapun, kawasan seluas 406.22 hektar ini tidak lagi direkodkan dalam keluasan hutan simpanan kekal sejak 2006. Kini, Hutan Simpan Bukit Cherakah yang masih kekal adalah seluas 1,298.86 hektar dan Hutan Simpan Bukit Cherakah Tambahan seluas 982.80 hektar,” katanya. - Bernama